

BULETIN

FAKULTI
PERAKAUNAN

EDISI 8



Program Pengukuhan Kerja Berpasukan Eratkan Hubungan Ukhuwah Pensyarah

Ida Haryanti Mohd Noor

Pada 19 Julai 2024 yang lalu bersamaan dengan hari Selasa, Fakulti Perakaunan, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Negeri Sembilan Kampus Seremban telah menganjurkan Program Pengukuhan Kerja Berpasukan: *Mindful Meetups* bertempat di UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Seremban dan Hotel Royale Chulan, Seremban. Program yang bermula seawal jam 8.00 pagi ini menawarkan pelbagai aktiviti bermanfaat bagi mencapai objektif program yang telah ditetapkan.

Peserta bagi program ini terdiri daripada 15 orang pensyarah Fakulti Perakaunan, UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Seremban. Objektif program antaranya ialah untuk:

- (1) Mengukuhkan ukhuwah di kalangan ahli fakulti
- (2) Meningkatkan semangat kerja berpasukan di kalangan ahli fakulti
- (3) Mengekalkan semangat kebersamaan
- (4) Menggalakkan kegiatan riadah untuk kecergasan rohani dan juga jasmani



Aktiviti dimulakan dengan sesi pendaftaran dan sarapan pagi. Program kemudiannya dirasmikan oleh Koordinator Fakulti dan diteruskan dengan aktiviti pertama iaitu aktiviti senamrobik dan gimnasium selama satu jam. Seterusnya aktiviti disambung semula dengan permainan yang dinamakan 'gol dan gincu' iaitu



memasukkan bola ke dalam kon dari jarak jauh. Aktiviti kemudiannya diteruskan lagi dengan permainan uji minda iaitu meneka simpulan bahasa dan peribahasa.



Para pensyarah kemudiannya berkumpul di Hotel Royale Chulan, Seremban untuk jamuan makan tengah hari. Di sini, aktiviti diteruskan lagi dengan sesi penyampaian hadiah kepada kumpulan pensyarah yang telah memenangi aktiviti permainan semasa di kampus tadi. Selain itu, aktiviti pertukaran hadiah sesama pensyarah juga turut dilaksanakan bagi mengukuhkan lagi hubungan silaturahim di kalangan ahli fakulti.



Sesungguhnya, program ini telah banyak memberi manfaat kepada ahli fakulti kerana ianya dapat mengukuhkan lagi kerjasama berpasukan, meningkatkan kecergasan fizikal dan juga mental dan seterusnya mengurangkan tekanan kerja di kalangan ahli fakulti. Diharapkan, program pengukuhan kerja berpasukan seperti ini dapat diteruskan lagi pada masa yang akan datang dalam melestarikan kerjasama berpasukan di kalangan ahli fakulti.